



## UMT meraikan 2,542 graduan dalam Majlis Konvokesyen ke-19 [METROTV]

---

Nazdy Harun  
am@hmetro.com.my

Kuala Nerus: Universiti Malaysia Terengganu (UMT) meraikan 2,542 graduan dan dua ijazah secara anumerta sempena Majlis Konvokesyen ke-19, mulai hari ini.

Naib Canselor UMT, Profesor Datuk Dr Mazlan Abd Ghaffar berkata, ia membabitkan 1,884 graduan perempuan manakala 658 graduan lelaki termasuk 370 daripadanya mendapat ijazah kelas pertama.

Beliau berkata, majlis selama empat hari itu diadakan mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan kerajaan.

"Menariknya majlis konvokesyen ini menampilkan tokoh hebat yang menyumbang dalam pembangunan negara sebagai penerima anugerah khas.

"Senat UMT bersetuju mengurniakan Ijazah Kehormat Doktor Ekonomi kepada Tan Sri Mohammad Azlan Hashim yang juga mantan Pengerusi Lembaga Pengarah UMT atas sumbangan dan kewibawaan memimpin badan korporat serta membawa UMT sebagai gedung ilmu yang cemerlang di peringkat antarabangsa.

"Tokoh negarawan dalam sukan berbasikal, Datuk Mohd Azizulhasni Awang yang juga Karyawan Tamu Utama UMT turut dianugerahkan Ijazah Kehormat Sarjana Sains Sosial," katanya dalam ucapan perasmian.

Beliau berkata, UMT turut menganugerahkan anugerah khas kepada 11 graduan sempena Majlis Konvokesyen UMT ke-19 itu.

Selain itu, ijazah secara anumerta dianugerahkan kepada dua penuntut aktif dan dinamik iaitu Muhammad Rashidullah Masbah (Fakulti Perniagaan Ekonomi dan Pembangunan Sosial) kerana mati lemas dan Nur Nabila Husna Zulkafli (Fakulti Perikanan dan Sains Makanan) yang meninggal dunia akibat penyakit Acute Pancreatitis.

**Disiarkan pada: Mac 20, 2022 @ 2:30pm**



PRO-CANSELOR Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Tan Sri Samsudin Osman menyampaikan skrol kepada graduan pada Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Terengganu (UMT) Ke-19 di Kampus, Gong Badak hari ini. FOTO Ghazali Kori